

20 FEB 2001

TNB-Kajian

TNB KAJI TINGKAT KEUPAYAAN STESEN JANAELEKTRIK SULTAN MAHMUD

KUALA TERENGGANU, 20 Feb (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menjalankan kajian bagi meningkatkan keupayaan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud di Hulu Terengganu sebagai stesen hidro terbesar di negara ini.

Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis berkata jika projek fasa kedua itu menjadi kenyataan, stesen hidro itu bakal mempunyai keupayaan 700 megawatt berbanding hanya 300 megawatt sekarang.

"Kita harap kajian ini dapat disiapkan menjelang akhir tahun ini kerana menjadi hasrat kita selama ini untuk meningkatkan keupayaan stesen berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyampaian Sijil Ohsas 18001 (Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) oleh SIRIM Berhad kepada stesen berkenaan, di sini malam tadi.

Sijil itu disampaikan Naib Presiden Kanan SIRIM, Dr Mohd Yusof Zakaria kepada Dr Jamaludin bagi pihak Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud.

Beliau berkata pembinaan fasa kedua itu nanti juga tidak akan membabitkan kawasan hutan baru memandangkan ia hanyalah pembesaran kepada stesen yang sedia ada.

Dr Jamaludin berkata TNB juga sedang meneliti beberapa lokasi baru yang sesuai di seluruh negara yang boleh dimajukan sebagai stesen hidro elektrik dalam usahanya meningkatkan keupayaan pembekalan tenaga elektrik di negara ini.

"Kita dah pun kenalpasti beberapa tempat dan berharap ia dapat dimajukan sebagai stesen hidro elektrik bagi meningkatkan lagi keupayaan TNB membekalkan tenaga elektrik kepada negara," katanya.

Beliau berkata TNB juga akan memberikan tumpuan lebih serius ke arah menyediakan lebih banyak latihan kepada kakitangannya bagi meningkatkan kualiti kerja mereka.

Katanya TNB akan membina tujuh buah pusat latihan di setiap unit syarikat berkenaan bagi merealisasikan hasrat tersebut tidak lama lagi.

Menurut Dr Jamaludin pada masa ini latihan hanya diadakan di peringkat pusat menyebabkan tidak semua kakitangan TNB dapat menjalani latihan yang disediakan oleh syarikat itu.

Mengenai masalah perumahan di kalangan kakitangan TNB, beliau berkata perkara itu telah menjadi satu agenda penting TNB dalam tempoh empat tahun akan datang.

Menurut beliau pada masa ini lebih 8,000 daripada 25,000 kakitangan TNB tidak memiliki rumah sendiri dan usaha akan dilakukan bagi menyediakan kemudahan itu kepada mereka.

"Kami akan melancarkan projek ini Jun nanti yang dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pelancaran 3,000 buah rumah buat permulaan," katanya.

Dr Jamaludin berkata TNB menyediakan kemudahan pinjaman kepada kakitangannya untuk memiliki rumah yang dibina itu dengan harga mengikut pasaran bagi kemudahan mereka selepas bersara daripada TNB.

Beliau berkata projek itu adalah antara pelaburan TNB untuk menghargai sumbangan dan didikasi kakitangannya yang banyak membantu dalam kemajuan syarikat selama ini.

--BERNAMA

AYB ZB